

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOTEL KUALA LUMPUR HILTON**  
**PELANCARAN PROGRAM "TEENAGE AMBASSADORS"**  
**03 NOVEMBER 1990**

Yang Berbahagia Encik Abdullah bin Mohd. Yusof, Pengerusi Jaya Jusco Stores Sdn. Bhd.; Yang Berbahagia Encik Akihito Tanaka, Pengarah Urusan Jaya Jusco Stores Sdn. Bhd.; Yang Berbahagia Encik Teruo Hiranaka, Pengurus Besar Jaya Jusco Stores Sdn. Bhd.; Dif-dif Kehormat; Para Pelajar; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jaya Jusco Stores Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk melancarkan Program "Teenage Ambassadors" ini. Program ini akan bermula dari 5hb November 1990 dan berlangsung hingga 19hb November 1990. Tujuan utama program ini ialah untuk memupuk perpaduan yang lebih erat di kalangan belia-belia kedua buah negara iaitu Jepun dan Malaysia melalui pertukaran kebudayaan, adat resam dan mengenali cara kehidupan yang berbeza.

2. Saya berharap penuntut-penuntut yang seramai 28 orang yang dipilih dari semua negeri dalam Malaysia untuk menghadiri program ini akan mempelajari seberapa yang boleh daripada penuntut-penuntut di negara Jepun.

3. Saya percaya bahawa program ini akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara kita kerana para belia adalah merupakan harapan bangsa kita. Belia hari ini akan menjadi pemimpin kita pada masa hadapan.

4. Di sini saya ingin mengingatkan para penuntut yang menghadiri program ini bahawa mereka merupakan wakil atau duta negara Malaysia semasa berada di negara Jepun. Sebagai wakil atau duta negara kita, tingkah-laku, gerak-geri dan peradaban anda akan diperhatikan. Janganlah berbuat sesuatu yang akan menjatuhkan imej atau maruah negara kita semasa anda berada di negara Jepun.

5. Apabila anda balik ke tanah air, saya berharap anda akan dapat memindahkan apa yang anda telah pelajari di negara Jepun kepada penuntut-penuntut yang tidak berpeluang untuk menyertai program ini.

6. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Jaya Jusco Stores Sdn. Bhd. kerana mengambil inisiatif untuk menganjurkan program ini yang nescaya akan mendatangkan manfaat kepada belia-belia negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Saya berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat yang lain akan tampil ke depan untuk menganjurkan program seumpama ini di masa hadapan.

8. Kepada para pelajar, saya ucapkan selamat berangkat, selamat menjalankan tugas

di negara Jepun dan selamat kembali ke tanah air kelak.

Sekian, terima kasih.